
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Akhir
Sidang Akademik 2015/2016

Mei/Jun 2016

JMK 321 – Puisi Melayu Moden

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **SEMBILAN** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Pilih dan jawab EMPAT soalan sahaja.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Setiap soalan diperuntukkan 25 markah.

1. Puisi ***Keluh-Kesah*** karya Punggok memaparkan kesatuan isi dan bentuk puisi yang padat. Bincangkan kedua-dua struktur tersebut dalam menyatukan mesej puisi berkenaan. (Lampiran A).

(25 markah)
2. Puisi naratif adakalanya ditulis oleh penyair dengan penuh perasaan. Berdasarkan puisi ***Sungai I*** karya T.Alias Taib, ulaskan pemikiran penyair berdasarkan unsur-unsur lambang dan imej yang telah digunakan dalam karyanya. (Lampiran B).

(25 markah)
3. Ilham dan idea kreatif selalunya diolah berdasarkan fenomena yang berlaku. Berdasarkan puisi ***Seribu Rumah*** karya Hilmi Rindu, pada pendapat anda, adakah gaya bahasa yang dipilih penyair itu bersesuaian dengan isu yang hendak disampaikan dalam puisi? (Lampiran C).

(25 markah)
4. Puisi patriotik bukan sahaja direfleksikan dengan unsur-unsur sejarah tetapi juga mesti bernada puitis. Berdasarkan puisi ***Tok Janggut*** karya Rahimidin Zahari, bincangkan keseimbangan nada dan keindahan puisi berkenaan. (Lampiran D).

(25 markah)
5. Puisi ***Sang Gembala Kuda*** karya Hashim Othman, secara ekstrinsik menyampaikan mesej berkaitan pengembala kuda, tetapi puisi berkenaan juga mampu membawa makna baharu. Bahaskan kedua-dua tanggapan tersebut. (Lampiran E)

(25 markah)
6. Apakah yang anda fahami dengan istilah tipografi puisi? Berdasarkan puisi ***seekor burung menukang malam*** karya Muhammad Hj.Salleh, bincangkan unsur-unsur tipografi yang digunakan oleh penyair untuk menguatkan maksud puisi tersebut. (Lampiran F).

(25 markah)

LAMPIRAN A

Punggok

Keluh-kesah

Waktu senja burung terbang
waktu adinda bersedih cita
hancur dan lebur di kalbu abang
sedihkan adik panah dewata

Waktu dinahari malam yang sunyi
waktu kanak-kanak kehilangan ibu
abang meratap berbagai bunyi
merindukan adik bernyala di kalbu

Waktu subuh menyinsing di angkasa
waktu tabuh bersahut-sahutan
abang termimpi berbagai rasa
adik disangka hanyut di lautan

Waktu kabut menyambut siang
waktu makhluk bangun bekerja
abang terlalai waktu sembahyang
asyikkan adinda intan durja.

Titian Zaman, 1981

LAMPIRAN B

T.Alias Taib

Sungai 1

Tersentak sungai tua itu. Tak bergerak darah dalam tulang sungai tua itu sewaktu ia memerhati keanehan anaknya tadi pagi. Anaknya merangkak menyongsang arus.

Ternganga rumputan, tergamam batuan dan terpegun tebing dengan keajaiban dan keberanian yang luar biasa itu. Lubuk timbul buat pertama kali, menyaksi sejarah mencipta dongeng.

“Bagaimana lagi akan kuperoleh pengalaman?” tanya anak sungai sambil terus menentang arus dengan payah tetapi tabah

Piramid. 1990

[JMK 321]

- 5 -

LAMPIRAN C

Hilmi Rindu

Seribu Rumah

Seribu rumah lenyap
Dimakan banjir
Bagaimana hati dapat digambarkan
Tubuhnya yang lesap
Di mata kampung
Yang baharu terlepas
Dari kepungan air

Seribu mimpi
Merayap
Dari jantung takdir
Bagaimana kesabaran dapat dihitung
Dari dasar kepedihan
Yang masih berhempas
Mengupas harap dan mengenal
Erti ada dan tiada

...6/-

Erti datang dan pergi
Erti pemilik yang esa
Erti janji yang pasti

Seribu harapan berkembang
Bagai kuntuman baru
Di tasik kiambang

Bah Kuning, Disember 2014

[JMK 321]

- 6 -

LAMPIRAN D

Rahimidin Zahari

Tok Janggut

Kuharung sungai kususur bukit tujuh gua yang silam
aku murba perkasa kautuduh penderhaka

aku tidak pandai berselindung dengan tembang dan senandung
suaraku tak mungkin semerdu seruling

aku tak rela tanah darahku diinjak dijajah
aku tak rela hasil bumiku dicantas dipulas
aku tak rela Melayu bangsaku dipandirkadukkan
aku tak rela Islam agamaku disendatemeahkan

Tok Janggut Haji Mat Hassan namaku
tujuh lapis langit terpikul di bahu
tujuh lapis bumi tercengkam di kaki

...7/-

aku pulang dari tanah Makkah yang putih dan suci
ingin kulihat tanah darahku tanpa penjajah
kubaca Jamaluddin Al-Afghani, kuhafal reformis Muhammad Abduh
dan kugenggam ideologi Rashid Redha

Tok Janggut Haji Mat Hassan namaku
anak Kelantan kelahiran Pasir Putih
Kampung Saring mahupun Jeram
adalah padang permainanku
adalah gelanggang silat
tempat aku memperlimaukan diri

aku pulang dengan siap sedia asal mula
sebagai lelaki anak jantan perkasa
aku siap sedia menitiskan darah ke ranting cempaka
ini tanah darahku, tak akan kurela kaukikis habis
kuoleng mangkuk mimpi para tiran

inilah nafasku angin bergugus menyebarkan tandus
dan, nah! darah matahariku akan terpercik ke tanah Pasir Putih

[JMK 321]

- 7 -

ringkik angin topan, sedialah kau
akan kuamuk kegetus kantung nyawaku
kalaupun aku mati di tangan bangsaku
aku mati sebagai pembela sejati

mutiara tetap mutiara
meskipun terpendam
di perut tiram
jauh pada dasar lautan!

Rahimidin Zahari
1992

...8/-

[JMK 321]

- 8 -

LAMPIRAN E

Hashim Othman

Sang Gembala Kuda

Dia lelaki bergelar perkasa
dengan cemeti keberanian di tangan
rembat angkuhnya memacu takut
menghalau kuda-kuda di padang
berebutan memburu kandang.

...9/-

Rumput dan jerami terhidang
adalah kanun janji kesetiaan
dimamah rakus kala lapar
tak peduli nasib diri setelah kenyang
jadi tunggangan memburu rakan.

Dia lelaki punya kuasa
sesekali suaranya lebih gempita
daripada ringkik kuda sekandang
pacuannya diiring seribu keberanian
meredah onak di rimba perburuan
meranduk lumpur di paya penindasan
sambil melibas cemeti durjana
dia melempar muslihat
aku penyelamat maruah
berjuang atas dasar kebenaran
menentang semua kebobrokan.

Dia lelaki sang gembala kuda
hanya mengenal pantas tunggangan
tanpa membaca keletihannya
dia lelaki sang gembala kuda
hanya tahu mengejar kehebatan
tanpa menghitung kesakitannya
dan kuda-kuda itu ditunggangi
ditunggangi dan ditunggangi!

Jaket Kulit Kijang, 2015

[JMK 321]

- 9 -

LAMPIRAN F

Muhammad Hj. Salleh

seekor burung menukang malam

di antara subuh lembab

...10/-

dan senja kuning
sekumpulan tukang
menegak tiang
dan menyusun genting,
ketukannya bergema
di bukit dan air

apabila petak kerja
digelapkan malam
ketukan bermula lagi
nyaring dari dahan sena,
seekor burung tukang
menyambung tugas
di bukit bunyi
bahawa waktu mengalir terus
walau airnya terbakar rakus

Maka Bermadahlah Masa, 2006

- 0000000 -